

**TEKS UCAPAN
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
KEJOHANAN BOLING
SEMPENA SAMBUTAN HARIJADI KE-78
TYT YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG
8 OKTOBER 2016 (SABTU)
MEGA BOWLING CENTRE, MEGAMALL PINANG, PERAI**

.....

**Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama (Dr) Haji Abdul Rahman
bin Haji Abbas**

Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang

**Dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Utama Hajah
Majimor binti Shariff**

Yang Berhormat Dato' Seri Haji Farizan Bin Darus

Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang Dan

Yang Berbahagia Datin Seri Hajah Hamidah Binti Mat Daud

Yang Dihormati Ahli Majlis - Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Sr Hj Rozali Bin Mohamud

Setiausaha Perbandaran,

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Para Pemain dari PBT seluruh Malaysia

Para Pemain dari Agensi-Agensi Kerajaan

Rakan-rakan Media

Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin sekalian

.....

Assalamualaikum wbth dan salam sejahtera

Bersyukur saya kehadiran Allah S.W.T kerana dengan limpah perkenan serta izinnya, kita semua dapat berkumpul pada pagi ini bagi menyambut Hari Jadi yang ke-78 Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama (Dr) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas, Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang. Sempena dengan Majlis yang diadakan hari ini, saya bagi pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai dan penduduk Seberang Perai dengan penuh takzim dan penuh kesyukuran mengucapkan Selamat Hari Jadi yang ke-78 kepada Tuan Yang Terutama Tun. Semoga Tuan Yang Terutama Tun dan Toh Puan sentiasa mendapat rahmat daripada Tuhan Yang Maha Esa serta sihat sejahtera untuk terus memainkan peranan sebagai ketua pemerintahan Negeri Pulau Pinang.

Penganjuran Kejohanan Boling sempena dengan Sambutan Hari Jadi T.Y.T Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang diadakan setiap 2 tahun oleh

Majlis Perbandaran Seberang Perai. Pada tahun ini, penganjuran Kejohanan Boling ini diadakan sama dengan Hari Sukan Negara. Sambutan Hari Sukan Negara telah diisytiharkan pada setiap hari Sabtu minggu kedua bulan Oktober setiap tahun. Sambutan Hari Sukan Negara diraikan secara serentak di seluruh negara. Antara tujuan sambutan Hari Sukan Negara adalah untuk menerapkan budaya sukan dan memupuk semangat perpaduan dikalangan rakyat. Ia juga selari dengan inisiatif Kerajaan Negeri Pulau Pinang iaitu untuk menjadikan Pulau Pinang lebih sihat - *Cleaner, Greener, Safer & Healthier Penang*.

Hari Sukan Negara ini adalah penting di dalam usaha menggalakkan rakyat menerapkan amalan budaya hidup cergas dan aktif memandangkan peratusan masyarakat Malaysia yang aktif bersukan masih lagi rendah iaitu pada kadar sekitar 40 peratus berbanding dengan 50 hingga 60 peratus di negara maju. Sebagai usaha untuk menjadikan warga Seberang Perai sihat dan aktif, setiap Ahad minggu pertama, ketiga dan keempat MPSP menganjurkan senamrobik kepada penduduk Seberang Perai. Pelbagai aktiviti kecergasan telah dianjurkan di Seberang Perai seperti *Penang Run, MPSP Tower Run, Butterworth Discovery Walk, Cycle For A Lane* dan *Fun Ride De Bagan*.

Sempena dengan sambutan Hari Sukan Negara, pada hari ini juga sedang berlangsung Kejohanan Boling Padang anjuran MPSP dan Persatuan Boling Padang Pulau Pinang di Kompleks Sukan Bertam.

Tuan Yang Terutama dan para hadirin sekalian,

Kejohanan Boling sempena Sambutan Hari Jadi T.Y.T Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang pada tahun ini terdiri dari 2 kategori iaitu VIP dan PBT/Agensi Kerajaan. Kategori PBT/Agensi Kerajaan disertai oleh 36 pasukan di mana sebanyak 4 pasukan adalah dari MPSP. Sambutan yang diberikan oleh PBT-PBT dan agensi kerajaan adalah sangat baik dalam kejohanan ini. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua PBT dan Agensi Kerajaan yang terlibat dalam menjayakan kejohanan ini.

Saya tidak berhasrat untuk berucap lebih panjang lagi kerana saya percaya semua peserta tidak sabar untuk memulakan permainan. Sebelum mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya mengucapkan Selamat Hari Jadi Yang ke-78 kepada Tuan Yang Terutama Tun, semoga Tuan Yang Terutama Tun sentiasa mendapat rahmat dan keberkataan dari Allah SWT dan dianugerahkan kesihatan yang sejahtera.

Ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada urusetia dan semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan majlis pada hari ini.

Saya sudahi dengan Wabilahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullah Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.